

## Wakil rakyat respons isu sampah haram



Keadaan sampah haram yang wujud di kawasan Kampung Estet Telok Panglima Garang.

**TELOK PANGLIMA GARANG-** Isu pembuangan sampah haram di kawasan Kampung Estet Telok Panglima Garang yang masih tidak dapat diselesaikan mendapat perhatian wakil rakyat, semalam.

Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi yang hadir dalam satu program di kawasan itu sempat meluangkan masa ke kawasan tersebut meninjau suasana persekitaran sampah haram tersebut.

Menurutnya, kampung ini di luar bidang kuasa Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) kerana ia bukan kawasan operasi.

"Namun, tidak dinafikan majoriti kawasan kampung ini mempunyai kaedah penyelesaian sampah agak rumit. Difahamkan, kebanyakan mereka menyelesaikan masalah sampah rumah di kawasan sekitar rumah sahaja dengan cara bakar dan tanam," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi selepas merasmikan Program Gotong-royong Cegah Denggi/Zika di Kampung Estate Telok Panglima Garang.

Ahmad Yunus turut memaklumkan, sampah haram ini biasanya banyak daripada penduduk luar atau pendatang yang tiada kawasan untuk membuang sampah.

Katanya, pihaknya akan berusaha mencari jalan penyelesaian bagi memastikan penduduk dapat hidup dalam suasana yang bersih.

"Dalam pada itu, penduduk juga diharap dapat meningkatkan kebersihan di samping mengelakkan diri daripada terlibat dengan aktiviti pembiakan aedes. Saya harap penduduk di kawasan ini mengutamakan kebersihan selain mengelakkan masalah penyakit berjangkit berlaku," katanya.

Dalam pada itu, difahamkan ahli majlis kawasan berkenaan sedang berusaha memikirkan kaedah seterusnya bagaimana hendak menyelesaikan sampah daripada pendatang-pendatang dan kilang berdekatan.

## 111 rumah SPNB siap dibina

Sebagai usaha bagi memastikan masyarakat Kuala Langat miliki kediaman sendiri

**BANTING** - Majlis Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat berhasrat misi bagi memastikan setiap individu di Kuala Langat memiliki rumah sendiri tercapai.

Pengerusinya, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, baru-baru ini seramai 59 penerima telah menerima rumah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sekali gus memberi peluang kepada masyarakat mendapat rumah baharu.

Menurutnya, di Kuala Langat sahaja sebanyak 111 rumah telah siap dibina dan permohonan boleh dibuat dengan datang terus ke Pejabat SPNB atau datang ke Pejabat Umno untuk mendapatkan informasi.

"Permohonan memenuhi kriteria sahaja yang akan dipertimbangkan dan mereka yang



Sulaiman sempat beramah mesra bersama sebahagian penduduk yang hadir.

sanggup mematuhi syarat sahaja boleh diluluskan.

"Kita faham dengan kos sara hidup yang tinggi hari ini kebanyakan masyarakat sukar memiliki rumah. Jadi, permohonan seperti ini boleh dibuat sekiranya layak," katanya

ketika mengulas mengenai permohonan rumah SPNB di Parlimen Kuala Langat, semalam.

Dalam pada itu, Sulaiman turut mengingatkan kepada pemilik tanah-tanah pusaka supaya dapat diurus dengan

segera supaya masing-masing mempunyai geran.

Katanya, ini akan memudahkan urusan permohonan tanah pusaka yang tidak diurus serta memerlukan persetujuan semua penama ini.

"Jika tidak, ia bakal me-



Sebahagian penerima bantuan rumah SPNB yang turut hadir.

rumitkan disebabkan ada yang tidak mahu bekerjasama. Bagi saya, lebih baik ada pihak yang boleh menganjurkan kempen kesedaran ini bersama pejabat daerah untuk menyalurkan maklumat tersebut," katanya.

Tambahnya, soal pemilikan tanah ini penting supaya tiada isu berbangkit di kemudi-

an hari.

"Kebanyakan mereka yang ditemui pernah memaklumkan kepada saya sebab tak tahu dan bimbang tak mampu nak bayar kos yang dikenakan. Lebih menyedihkan, mereka sebenarnya tak ada maklumat langsung mengenai urusan tanah," katanya.



### KLIK pilihan

**FUTSAL** Ketua Pemuda Umno Bahagian Kuala Langat, Jefrizal Jaafar merasmikan Liga Futsal Orang Asli Hari Sukan Negara di Gelanggang Futsal Kampung Sungai Rambai, Pulau Carey, semalam. Hadir sama, Pegawai Belia dan Sukan Daerah Kuala Langat, Shafiq Khan.